

17 DEC 2002

Kelantan-Konvensyen (Fokus berita)

KONVENSYEN BN BAKAL CETUS IDEA BEBASKAN KELANTAN DARI GERHANA

Oleh: Mohd Bakri Darus

KOTA BAHARU, 17 Dis (Bernama) -- Konvensyen Barisan Nasional (BN) Kelantan yang akan berlangsung di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang pada Jumaat ini merupakan medan penting bagi BN mengumpul idea baru bagi memenangi kembali Kelantan daripada PAS pada pilihan raya umum akan datang.

Konvensyen sehari itu dijangka menggariskan beberapa pendekatan berkesan untuk membangunkan rakyat dan negeri ini yang telah lama berada dalam "gerhana".

Bagi mencapai tujuan itu, konvensyen meletakkan amanah besar kepada kira-kira 2,500 pesertanya termasuk pemimpin parti komponen BN negeri, veteran BN, ulama, tokoh akademik, korporat dan wakil-wakil badan bukan kerajaan.

Konvensyen bertema "Bersatu Menangani Kelantan Gerhana" akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ucaptama Timbalan Presiden Umno itu akan merupakan amanat penting untuk dihayati dan dipraktikkan oleh seluruh anggota BN Kelantan.

Istilah "Gerhana" menjadi popular khususnya di negeri ini ekoran slot "Kelantan Dalam Gerhana" yang disiarkan oleh Radio Dan Televisyen Malaysia 7(RTM) melalui Berita Perdana yang antara lain menonjolkan masalah kemiskinan di kalangan rakyat Kelantan.

Pengerusi BN Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed berharap konvensyen itu akan menghasilkan resolusi supaya seluruh tenaga dapat digemblengkan untuk memperkuatkan Umno dan BN bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata hanya dengan cara semua pihak bersatu tenaga "gerhana" di negeri ini yang membelenggu rakyat sejak sekian lama akan dapat diatasi.

"Selain menekankan kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum, konvensyen itu juga memfokuskan kepada masalah dalaman parti dan cara mengatasinya," katanya.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata sebanyak 12 bengkel akan diadakan dan satu resolusi akan dikeluarkan pada akhir konvensyen itu.

Timbalan Pengerusi MCA Kelantan, Leong Su Siang berkata konvensyen itu amat bermakna dalam usaha memberi semangat kepada seluruh anggota BN di negeri ini untuk bekerjasama erat sebagai sebuah pasukan untuk membebaskan Kelantan yang jauh ketinggalan dalam pelbagai bidang akibat ketidak-upayaan PAS.

"Kelantan jauh ketinggalan berbanding kemajuan pembangunan negeri lain adalah realiti dan ini dapat dilihat dalam bidang ekonomi, pendidikan dan sosial," katanya.

Leong, bekas Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kota Lama berkata kemenangan BN merupakan syarat utama bagi membolehkan negeri ini dibangunkan setanding dengan negeri lain.

Walaupun Kelantan diperintah pembangkang, kerajaan pusat tidak pernah menganaktirikan rakyat, ini terbukti dengan peruntukan besar termasuk melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan, katanya.

Beliau yakin peruntukan itu akan berlipatganda jika rakyat negeri ini memberi peluang kepada BN kembali memerintah.

Entiti baru dalam Umno, Puteri Umno Kelantan berpendapat konvensyen itu merupakan peluang terbaik kepada semua pihak terutama aktivis Umno memberi pandangan untuk memperkuatkan parti.

Ketuanya, Nik Suraya Nik Ramlee berkata konvensyen itu perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk mencetuskan semangat baru, idea baru dan

strategi baru untuk memperkukuhkan Umno dan BN.

Pemerhati politik berpendapat BN dan Umno Kelantan kini berpeluang merebut kembali pemerintahan negeri ini sebagai hadiah istimewa kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara pada Oktober tahun depan.

Mereka juga berpendapat tempoh 12 tahun sejak Pas memerintah Kelantan pada 1990 merupakan satu cabaran kepada Umno, apakah parti itu akan rela sekali lagi ditewaskan pada pilihan raya umum akan datang.

Ada yang berpendapat BN tewas pada pilihan raya umum lepas bukan kerana Pas kuat tetapi kerana wujud perpecahan dalam Umno ekoran masalah tertentu.

Untuk tidak dimalukan sekali lagi, kalangan pemerhati politik berpendapat seluruh anggota Umno perlu bermuhasabah dengan melupakan persengketaan lepas.

Pada semua peringkat, mereka perlu bekerja keras dalam satu pasukan yang dikepalai oleh Mustapa dengan satu matlamat memerintah semula Kelantan.

-- BERNAMA

BD NMO